

Ahli Puteri diingat tidak lupa diri

UM 19 JUN 2002

KUALA LUMPUR 18 Jun — Ahli-ahli Pergerakan Puteri LJMNO diingatkan supaya tidak lupa diri dan asal-usul perjuangan parti serta matlamat utama parti iaitu membawa kecemerlangan untuk agama, bangsa dan negara.

Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Azalina Othman Said berkata, ahli-ahli pergerakan itu membawa harapan besar untuk parti bagi membentuk yang terbaik daripada warisan kepimpinan UMNO.

“Dulu tiada, kini menjelma, namun perjuangan bangsa, akan Puteri dokong selamanya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Pergerakan Puteri UMNO 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Perhimpunan agung itu yang dihadiri 625 perwakilan, merupakan yang pertama diadakan sejak Puteri ditubuhkan pada tahun 2001.

Tambahnya, dalam tempoh empat minggu penubuhannya, seramai 10,000 wanita Melayu muda di seluruh negara telah menyertai pergerakan tersebut.

Jelasnya, Puteri UMNO lahir di bawah pemimpin yang bukan calang-calang orang iaitu Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Dr. Mahathir bukan sahaja menjadi sumber inspirasi kepada Puteri, juga telah memainkan peranan sebagai seorang ayah yang sabar, penyayang dan tidak jemu memberikan bimbingan serta dorongan kepada Puteri.

“Semangat serta pemikiran Presiden LJMNO itu akan terus subur dalam hati ahli-ahli pergerakan ini walaupun Dr. Mahathir akan mengundurkan diri,” katanya.

Azalina seterusnya mengingatkan ahli-ahli pergerakan itu menyiapkan diri untuk menghadapi era globalisasi kerana tiada siapa pun akan menyuakan sebarang tongkat sebagai bantuan untuk mereka.

Katanya, ahli-ahli Puteri juga wajib mengorak langkah dalam proses perubahan minda yang menjadi kemestian jika mahu terus membangun.

“Kita semua harus ingat, untuk menjadi sebuah negara maju, kita mesti menjadi bangsa yang kuat dan dihormati oleh semua bangsa di dunia.

“Kita juga perlu memahami serta sedar bahawa kita harus sentiasa menyesuaikan diri dengan keperluan semasa dan sedia bertindak untuk melaksanakan perubahan,” katanya.

Menurutnya, ahli-ahli Puteri mesti berani memberikan pendapat, mengkritik demi kebenaran serta melakukan perubahan demi kebaikan dan seterusnya berani menghadapi risiko atas apa jua tindakan yang dilakukan.

Beliau berkata, semua tindakan dan perubahan itu hendaklah dilakukan secara bersama dan bersatu hati.

“Walau apa pun tumpuan perjuangan UMNO, harus diingat bahawa tanpa kekuatan akar umbi, UMNO tidak dapat mencapai sebarang kejayaan dalam perjuangannya.

“Ini kerana akar umbi adalah teras kekuatan parti. Saudari-saudari yang hadir pada hari ini mewakili akar umbi Puteri UMNO,” katanya.

Sementara itu kata beliau, kerajaan diminta memastikan bahawa sebarang undang-undang yang secara khusus melibatkan wanita hanya akan digubal setelah mengadakan perbincangan berkesanan dengan kaum wanita.

Katanya, selain perbincangan dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, pandangan pertumbuhan-pertubuhan wanita juga hendaklah diambil kira.

Tambah beliau, pergerakan itu turut meminta agar latihan kesedaran gender dianjurkan untuk ahli-ahli Parliamen, pegawai kerajaan serta anggota-anggota badan penguat kuasa undang-undang.

“Latihan ini penting untuk meningkatkan kesedaran bahawa kaum wanita bukanlah kaum yang lebih rendah tarafnya daripada lelaki,” katanya.

Menurutnya Azalina, kerajaan juga harus menggubal dasar-dasar secara khusus untuk memastikan supaya tidak wujud jurang gender dalam pembangunan negara.